

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus


eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

Kem Motivasi dan Pemantapan Akademik (KeMPA)

Penulis: Muhamad Nasarudin Sulaiman

Kem Motivasi dan Pemantapan Akademik (KeMPA) anjuran Persatuan D'Planters yang merupakan persatuan pelajar di bawah naungan Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi (UiTM) Kampus Mukah telah berjaya menyuntik semangat baharu dalam kalangan pelajar Diploma Pengurusan Ladang (AT110) dan Diploma Pengurusan Industri Perladangan (AT120) daripada semua semester. Program ini telah diadakan pada 5 Januari 2025 dan bertempat di Pusat Akua dan Agrotek, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Program yang berlangsung selama sehari ini telah berjalan dengan jayanya dan mendapat sambutan yang begitu menggalakkan, di mana seramai hampir 200 orang peserta telah menyertai program ini yang terdiri daripada pelajar dan staf daripada Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Kampus Mukah.



Poster hebahan program

Dengan pendekatan holistik, KeMPA kali ini bukan sahaja menekankan aspek motivasi diri dan kecemerlangan akademik, tetapi turut merangkumi elemen kebudayaan, kerohanian, dan kesukanan yang menjadi teras pembangunan pelajar seimbang. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Muhamad Syukrie bin Haji Abu Talip, selaku Ketua Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, yang menyifatkan KeMPA sebagai medan penting untuk membentuk pelajar yang bukan sahaja cemerlang di bilik kuliah, malah berdaya tahan dalam pelbagai cabaran dari aspek kerjaya masa hadapan dan kehidupan. "Kami mahu melahirkan graduan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Program seperti KeMPA inilah yang membekalkan pelajar dengan suntikan motivasi dan jati diri untuk terus maju ke hadapan," kata beliau dalam ucapan perasmian.

Mengulas lanjut tentang program ini, Wilson Balit anak Ginang selaku salah seorang peserta program ini menegaskan bahawa program seperti sebagai satu pengalaman bermakna. "Dalam satu hari ini, saya rasa seperti telah menjadi insan yang lebih seimbang dan positif hasil suntikan semangat yang diberi, bukan saja lebih bersemangat untuk belajar, tapi juga bersemangat untuk menjadi insan yang lebih berjaya," ujarinya.

Program seharian ini berakhir dengan sesi penyampaian hadiah dan sijil penyertaan kepada semua peserta yang disulami janji tekad untuk meneruskan semangat yang disemai sepanjang program ini. Pihak penganjur bercadang untuk memperkasakan lagi KeMPA sebagai program tahunan dengan pengisian yang lebih meluas pada masa akan datang.

